

# U-Science UMS, YIM bincang kerjasama strategik budayakan STEM

UB 01.06.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui U-Science mengadakan perbincangan bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) bagi kerjasama strategik berkaitan program pembudayaan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Perkara itu dimaklumkan Ketua U-Science UMS Zawawi Tiyunin ketika menerima kunjungan rombongan lawatan kerja daripada YIM.

Katanya, selain perbincangan kerjasama strategik, U-Science UMS dan YIM turut mengadakan sesi perkongsian maklumat di antara kedua-dua pihak.

“Semasa menerima kun-

jungan ini, kita telah memberi penerangan tentang usaha-usaha yang dijalankan U-Science termasuk pameran Physics Fest dan IT Project Exhibition yang berlangsung baru-baru ini.

“Dengan kerjasama yang lebih strategik, saya percaya penganjuran program-program untuk membudayakan STEM kepada masyarakat Sabah khususnya boleh dirangka dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan,” katanya.

Dalam pada itu, rombongan YIM yang diketuai Ketua Pegawai Operasi YIM, Mohd Rozaidi Abdul Rahman menyumbangkan lapan alat peranti pintar kepada

U-Science.

Sumbangan berkenaan diterima oleh Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor yang turut merakamkan penghargaan atas kesudian YIM untuk mengadakan lawatan kerja ke UMS serta pemberian sumbangan peranti itu.

“Semoga usaha murni ini dapat dikekalkan bagi membantu meningkatkan pembelajaran sains di Sabah,” katanya.

Hadir sama, Eksekutif Kanan YIM Syaifuldeen Muda; Ketua Pustakawan UMS Md Sazali Md Salleh; dan dua Pegawai Sains Kanan U-Science Malcolm Jilimin dan Saidah Mat Salleh.